

KESEDARAN SOSIAL DAN PENGLIBATAN MAHASISWA DALAM PROGRAM KHIDMAT MASYARAKAT

**¹Adibah Abdul Latif, Mohd Shafry Mohd Rahim,
Nor Fadila Mohd Amin & Crystal Joan Peter**

¹p-adibah@utm.my

ABSTRAK

Penglibatan mahasiswa dalam aktiviti kokurikulum adalah sebahagian daripada kurikulum universiti yang penting dalam memberi sumbangan terhadap penyuburan fizikal, mental, emosi dan sosial. Kajian ini bertujuan mengkaji tahap kesedaran sosial dan penglibatan mahasiswa dalam aktiviti khidmat masyarakat yang telah dikelolakan oleh Pusat Kokurikulum dan Pembelajaran Servis Universiti Teknologi Malaysia. Kajian ini juga mengenal pasti hubungan di antara kesedaran sosial dan penglibatan mahasiswa, serta menganalisis faktor peramal penglibatan mahasiswa berdasarkan kesedaran sosial pelajar. Seramai 355 orang mahasiswa dari sebuah Fakulti telah dijadikan sebagai responden kajian. Tahap kesedaran sosial dalam kajian ini adalah berdasarkan Teori Afektif Krathwol melibatkan konstruk Penerimaan, Gerak Balas, Penilaian, Organisasi dan Perwatakan. Manakala bagi Tahap Penglibatan, teori yang digunakan adalah Teori Tingkah Laku Terancang yang melibatkan Sikap, Norma Subjektif dan Tanggapan. Rekabentuk kajian ini adalah berbentuk kajian tinjauan dan menggunakan soal selidik sebagai instrumen. Nilai kesahan konstruk adalah melebihi 40% bagi ukuran varians dan nilai Eigen adalah kurang daripada 3. Kebolehpercayaan item adalah 0.99 dengan indeks pengasingan adalah 8. Analisis kajian ini merangkumi analisis deskriptif berbentuk analisis peta item serta analisis inferensi iaitu ujian korelasi dan Structural Equation Model. Hasil kajian mendapati terdapat hubungan yang signifikan antara kesedaran sosial dengan tahap penglibatan mahasiswa dalam aktiviti khidmat masyarakat. Faktor Perwatakan, Penilaian dan Gerak Balas merupakan faktor yang signifikan dalam meramal peningkatan penglibatan mahasiswa dalam khidmat masyarakat.

Kata Kunci: Kesedaran sosial, khidmat masyarakat, domain afektif

PENGENALAN

Kejayaan sesebuah negara tidak diukur mengikut dimensi ekonomi dan pembangunan fizikal semata-mata, malah ia turut didukung oleh pembangunan modal insan yang berkualiti (Yahaya Ibrahim, 2008). Menyedari hakikat ini, usaha-usaha yang menjurus kepada meningkatkan keupayaan modal insan menerusi penguasaan ilmu, pemupukan masyarakat berbudaya dan pemantapan aspek moral serta nilai-nilai murni yang tinggi terus dipergiatkan. Usaha ini merupakan antara perancangan ke arah memperkayakan modal insan sebagai teras utama pembangunan negara dalam menjayakan aspirasi Wawasan 2020 (Amla, 2010).

Mahasiswa merupakan antara agen penting dalam pembangunan modal insan. Bagi melahirkan mahasiwa yang mapan, mereka bukan sahaja memerlukan kebijaksanaan kognitif, malah perkembangan afektif seperti pembinaan sahsiah dan karakter perlu ditekankan (Ahmad Marzuki, 2007). Bagi mencapai hasil ini, pihak universiti telah mewajibkan pelajar mengambil subjek ko-kurikulum bagi membangunkan kemahiran generik dalam diri pelajar (Siti Rahayah et al., 2010). Salah satu program yang kerap dilakukan oleh pelajar ialah program khidmat masyarakat.

Walau bagaimanapun, mendidik pelajar dalam melakukan sesuatu pekerjaan secara sukarela memerlukan kesedaran sosial dalam diri pelajar itu sendiri. Syazana (2015) menyatakan bahawa, penglibatan pelajar dalam aktiviti kesukarelawanan masih lemah disebabkan oleh bebanan pelajaran serta kekgangan masa yang dihadapi pelajar. Alina (2015) pula menyatakan, kesedaran sosial pelajar terhadap kepentingan penglibatan diri dalam program kemasyarakatan adalah pada tahap yang sangat kritikal.

Kesedaran Sosial Berdasarkan Domain Afektif

Kajian ini menyentuh kesedaran sosial pelajar mengikut hirarki perkembangan afektif Krathwohl. Pembahagian domain afektif ini disusun oleh Bloom bersama Krathwohl dan telah mengkategorikan domain afektif kepada Penerimaan, Gerak Balas, Nilai, Organisasi dan Perwatakan (Krathwol et al., 1964). Perkembangan ini dapat dinilai dalam diri seorang individu melalui watak (luaran) dan perwatakan (dalaman) individu.


Mengikut perkembangan afektif ini, pada peringkat Penerimaan, pelajar perlu mempunyai keinginan untuk menyertai program khidmat masyarakat dan hadir dalam program tersebut. Mereka juga dapat menerima perbezaan sesama individu yang hadir. Peringkat seterusnya adalah

peringkat Gerak Balas. Pada tahap ini, pelajar bukan sahaja hadir, malah mereka dapat memberikan kerjasama terhadap aktiviti yang dijalankan. Bagi tahap Gerak Balas ini, pelajar yang suka untuk melakukan sesuatu pekerjaan secara sukarela dikatakan mempunyai tahap gerak balas yang paling tinggi.

Tahap yang ketiga adalah Nilai. Pelajar akan didedahkan dengan nilai secara langsung atau tidak langsung. Penerapan secara langsung adalah seperti pensyarah menyebut nilai yang dipelajari dalam program khidmat masyarakat tersebut, manakala nilai yang tidak langsung adalah seperti nilai yang terhasil semasa aktiviti dijalankan seperti tanggungjawab, hormat menghormati, amanah dan rajin. Tahap seterusnya adalah Organisasi. Pada peringkat ini, pelajar dapat menghubungkaitkan nilai yang diperolehi dalam peringkat sebelum ini dengan nilai sedia ada dalam diri mereka (Gable et al., 1993). Mereka akan membuat pertimbangan untuk menerima atau menolak nilai tersebut. Di sinilah akan hadir peringkat seterusnya iaitu Perwatakan. Pelajar yang menerima nilai itu akan menjadikan ia sebagai watak dan sikap dalam tingkah laku mereka, manakala bagi yang menolak nilai tersebut, mereka akan merasakan nilai tersebut tidak bertepatan dengan prinsip dan kebiasaan amalan mereka. Pada tahap Perwatakan ini, ia akan mempengaruhi nilai yang ditonjolkan sepanjang pelajar menyertai aktiviti khidmat masyarakat.

Penglibatan Pelajar Berdasarkan Teori Tingkah Laku Terancang

Seterusnya tahap penglibatan pelajar dalam kajian ini disoroti menggunakan Teori Tingkahlaku Terancang (Ajzen, 1991). Dalam teori ini, terdapat tiga penentu bagi tingkah laku yang dilakukan seseorang iaitu Sikap, Norma Subjektif dan Tanggapan Kawalan Tingkah Laku. Rajah 1 menunjukkan perkaitan antara ketiga-tiga aspek dalam merancang sesuatu tingkah laku.



Rajah 1: Teori Tingkah Laku Terancang (Sumber: Ajzen, 1991)

Penerapan Teori Tingkah Laku Terancang dalam kajian ini menunjukkan bahawa Sikap terhadap tingkah laku merupakan persepsi pelajar terhadap perkara yang hendak dilaksanakan. Norma subjektif pula merupakan tekanan sosial yang dialami oleh pelajar sama ada untuk melakukan atau tidak sesuatu perkara, manakala Tanggapan Kawalan Tingkah Laku menunjukkan pengaruh kebolehan peribadi diri sendiri dan kekangan kepada keinginan terhadap tingkah laku tersebut (Hagger et al., 2007). Pada fasa keinginan inilah aspek afektif akan memainkan peranan sehingga terhasil tingkah laku berdasarkan kualiti afektif yang mereka miliki.

Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah seperti berikut:-

- a) mengkaji tahap kesedaran sosial dan penglibatan mahasiswa dalam aktiviti khidmat masyarakat.
- b) mengkaji hubungan antara kesedaran sosial dan penglibatan mahasiswa dalam aktiviti khidmat masyarakat.
- c) meramalkan faktor kesedaran sosial yang meramal tahap penglibatan pelajar dalam khidmat masyarakat.

Hipotesis Kajian

Hipotesis kajian bagi analisis objektif kedua dan ketiga adalah:-

Ha1: Terdapat hubungan antara kesedaran sosial dengan tahap penglibatan pelajar dalam khidmat masyarakat.

Ha2: Terdapat konstruk dalam kesedaran sosial yang meramal kepada tahap penglibatan pelajar dalam khidmat masyarakat.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif sepenuhnya dan menggunakan reka bentuk kajian tinjauan.

Lokasi Kajian

Penyelidik telah memilih Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Skudai Johor sebagai tempat kajian. Pemilihan ini adalah berdasarkan kepada pelajar yang mengikuti kursus pendidikan yang banyak didedahkan dengan program khidmat masyarakat. Sebagai bakal guru,

adalah penting mewujudkan kesedaran sosial terhadap masyarakat dan memperkayakan diri dengan kemahiran-kemahiran insaniah.

Populasi Kajian

Populasi kajian terdiri daripada pelajar-pelajar Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia. Kajian ini menggunakan keseluruhan populasi sebagai responden dan melibatkan pelajar daripada tahun satu hingga tahun empat. Populasi kajian yang juga responden kajian ini ialah seramai 355 orang.

Instrumen Kajian

Instrumen kajian ini ialah satu set soal selidik yang dibina sendiri oleh penyelidik. set soal selidik telah disediakan dan terbahagi kepada dua bahagian iaitu bahagian A dan B. Bahagian A merangkumi latar diri responden iaitu jantina, tahun dan kursus pengajian. Bahagian B pula terdiri daripada item-item berkenaan dengan kesedaran sosial di dalam domain afektif dan penglibatan khidmat masyarakat. Instrumen ini menggunakan skala empat mata bermula dengan Sangat Tidak Setuju, Tidak Setuju, Setuju dan akhir sekali Sangat Setuju.


Kesahan dan Kebolehpercayaan Soal Selidik

Kesahan kandungan bagi instrumen dilakukan melalui penilaian seorang pensyarah psikologi, sosiologi dan seorang ahli psikometrik. Nilai kebolehpercayaan *interator iala* .92. Manakala bagi kesahan konstruk, analisis *principle component* menggunakan Model Pengukuran Rasch telah digunakan. Nilai *raw variance explained by measures* adalah melebihi 40% (Azrilah, 2012) dan nilai *unexplained variance by measure* adalah kurang daripada 15%.

Bagi menilai kebolehpercayaan item, kajian rintis telah dijalankan kepada 15 orang pelajar dari Universiti Pendidikan lain. Nilai kebolehpercayaan item adalah 0.99 dengan pengasingan item melebihi 3, dan nilai kebolehpercayaan individu adalah 0.92 dengan indeks pengasingan melebihi 2. Dapatan ini menunjukkan instrumen yang digunakan dapat mengukur apa yang sepatutnya diukur dan boleh digunakan kepada sampel yang mempunyai ciri-ciri yang homogen (Bond, 2007)

DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian akan diperbincangkan mengikut objektif kajian. Objektif kajian pertama ialah mengkaji tahap kesedaran sosial dan tahap penglibatan pelajar. Rajah 2 menunjukkan tahap kesedaran sosial pelajar.




Rajah 2: Analisis Peta Item-Individu Kesedaran Sosial Pelajar

Berdasarkan Rajah 2 dapat dilihat bahawa 95% tahap kesedaran pelajar adalah berada di atas logit 0. Hal ini menunjukkan, aspek kesedaran sosial merupakan aspek yang mudah dikuasai oleh pelajar. Terdapat 3 perkara yang berada di atas purata kemampuan pelajar iaitu item E2, D3 dan D4. Item D3 dan D4 berada pada tahap Organisasi manakala item E2 berada pada tahap Perwatakan. Item yang paling mudah dilakukan oleh pelajar pula keduanya ialah item C1 dan C2 iaitu berada pada tahap Nilai.

Rajah 3 menunjukkan seramai 66.2% tahap penglibatan pelajar berada di bawah purata. Ini menunjukkan tahap penglibatan pelajar juga

masih berkurangan dan kurang diberi perhatian secara lebih serius oleh pelajar. Aspek yang paling sukar untuk pelajar melibatkan diri adalah kerana mereka merasakan memahami norma masyarakat setempat adalah sesuatu yang mengambil masa (item G5). Walaubagaimanapun, ramai pelajar yang menyatakan bahawa mereka tahu bahawa penglibatan mereka itu adalah untuk kepentingan kesejahteraan masyarakat (item G1) dan mereka mementingkan program khidmat masyarakat (item H5).



Rajah 3: Analisis Peta Item- Individu Penglibatan Pelajar


Objektif seterusnya adalah bagi mengkaji samada terdapat hubungan yang positif di antara tahap kesedaran sosial dengan tahap penglibatan pelajar. Jadual 1 menunjukkan analisis korelasi setelah menukar data ordinal dalam skala berbentuk sela (*logit value*).

Jadual 1: Analisis Korelasi Kesedaran Sosial dan Tahap Penglibatan Pelajar

		Kesedaran Sosial	Penglibatan
Kesedaran sosial	Korelasi	1	.761**
Pearson			.001
	Sig (2 hujung)	355	355
N			

Jadual 1 menunjukkan analisis korelasi di antara tahap kesedaran sosial dengan tahap penglibatan pelajar dalam program khidmat masyarakat. Analisis menunjukkan terdapat hubungan secara positif ($r=.76, p<.01$) di antara kesedaran sosial dengan tahap penglibatan pelajar. Berdasarkan dapatan kajian ini, maka Ha1 adalah diterima.

Objektif terakhir adalah bagi mengenal pasti konstruk kesedaran sosial yang meramal kepada tahap penglibatan sosial. Bagi menganalisis objektif kajian ini, analisis secara *Structural Equation Model* (SEM) telah dijalankan seperti Rajah 4. Berdasarkan Rajah 4 dapat disimpulkan bahawa 3 aspek yang menyumbang kepada tahap penglibatan pelajar ialah aspek Gerak Balas ($\beta=.123, p<0.05$), Nilai ($\beta=.247, p<0.05$) dan Perwatakan ($\beta=.434, p<0.05$). Berdasarkan dapatan ini, maka Ha2 adalah diterima.



Rajah 4: Analisis SEM Terhadap Kesedaran Sosial dan Tahap Penglibatan Pelajar

PERBINCANGAN

Berdasarkan dapatan kajian , dapat disimpulkan bahawa ramai pelajar yang mudah dan telah mempunyai konsep kesedaran sosial. Keadaan ini disebabkan pelajar banyak didedahkan dengan program-program khidmat masyarakat samada di dalam kelas mahupun semasa mengambil subjek ko kurikulum di luar kelas. Selain daripada program khidmat masyarakat itu sendiri, pelajar juga ada mengambil beberapa subjek yang berkaitan seperti Sosiologi, Psikologi dan Kepimpinan yang ada mendedahkan teori berkaitan kesedaran sosial secara langsung mahupun tidak langsung.

Walaubagaimanapun, jika dilihat purata kesedaran dalam kalangan mereka sendiri, hampir 62% daripada mereka berada di bawah purata. Di sinilah menunjukkan bahawa pelajar Universiti walaupun hampir 94% pelajar mempunyai kedudukan di atas logit 0, namun jika dibandingkan norma antara mereka, hanya sekitar 30% yang mempunyai kualiti kesedaran sosial yang tinggi dan 8% pelajar mempunyai kesedaran sosial yang cemerlang.

Berdasarkan Rajah 2, dapat dilihat bahawa terdapat 4 perkara yang perlu diberi penekanan kepada kesedaran sosial pelajar. Aspek pertama adalah kepentingan kerjasama dalam melaksanakan sesuatu kerja secara berkumpulan. Para pelajar mengakui bahawa mereka sukar memberikan kerjasama sepenuhnya kerana mereka memerlukan masa untuk mengenali rakan baru dalam kumpulan. Ini kerana apabila mereka menjalankan aktiviti khidmat masyarakat, mereka akan bekerja dengan pelajar yang baru dikenali. Jelaslah di sini kemahiran adaptabiliti perlu dipertingkatkan. Kadangkala mereka akan bekerja dengan orang kampung dan tidak ramai pelajar yang mempunyai kemahiran adaptabiliti ke satu kelompok yang berlainan umur, bangsa dan mungkin cara pemikiran.

Hal ini berkaitan dengan aspek seterusnya yang perlu diperbaiki oleh pelajar, iaitu mereka tidak dapat berkomunikasi dengan baik dengan orang yang mereka tidak atau baru kenali. Maka pelajar perlu meningkatkan kemahiran berkomunikasi serta yakin diri kerana sebagai seorang bakal guru mereka harus cepat memahami norma sesebuah masyarakat di luar.

Aspek seterusnya ialah berkaitan dengan kesedaran sosial pada peringkat gerak balas. Kedua-dua item ini mempunyai hubungan iaitu melakukan kerja secara sukarela dan bergiat secara aktif dalam aktiviti yang diajurkan. Sehubungan itu pihak Universiti perlu menyesuaikan tarikh untuk pelajar melibatkan diri dengan program khidmat masyarakat. Ini kerana jika dirujuk pada Rajah 3, item H5 menunjukkan pelajar sebenarnya mempunyai minat yang tinggi, tetapi kekangan masa membuatkan penglibatan mereka terbatas.

Maka adalah dicadangkan supaya program khidmat masyarakat di adakan pada waktu cuti semester dan bukan pada waktu yang hampir dengan peperiksaan atau minggu menghantar tugas akhir. Pelajar juga secara tidak langsung disarankan mengatur masa dan jadual dengan lebih efektif agar mereka berpeluang menyertai aktiviti dengan berlapang dada.

Perkara seterusnya yang perlu diberi perhatian adalah sikap kesukarelawanan pelajar. Pelajar perlu ditanamkan supaya menyumbang dan tidak hanya mengharap ganjaran, dan merasakan fungsi mereka sebagai mahasiswa kepada masyarakat. Hubungan yang signifikan antara kesedaran sosial dengan tahap penglibatan pelajar menunjukkan bahawa pelajar perlu didedahkan dengan nilai yang ada serta menghayati nilai tersebut agar gerak balas yang lebih tinggi dapat dihasilkan dan diterjemahkan dalam perwatakan mereka.

Maka pensyarah perlulah memainkan peranan bukan sahaja sebagai pengajar, tetapi sebagai seorang pendidik yang dapat menyuntik nilai dan kesedaran dalam diri pelajar. Pensyarah boleh menggunakan 5 minit dalam waktu pengajaran bagi setiap sesi untuk memberikan kesedaran pelajar berhubung kepentingan menyumbang tenaga kepada masyarakat dan fungsi mereka sebagai seorang mahasiswa kepada masyarakat.

Bagi mempertingkatkan tahap penglibatan pelajar, tiga perkara perlu ditekankan. Pertama adalah kemampuan gerak balas pelajar, samada dari aspek tenaga, masa dan kewangan. Keduanya pelajar harus mempunyai nilai yang kuat dalam diri mereka. Nilai ini termasuklah mereka sedar kepentingan sukarelawan dalam hidup bermasyarakat dan sedar bahawa tanggungjawab mereka sebagai pelajar bukan hanya menduduki peperiksaan, tetapi mereka perlu menimba ilmu di dalam dan luar kelas. Program khidmat masyarakat bukan sahaja memberi manfaat kepada kelompok masyarakat, tetapi sebenarnya pelajar perlu sedar bahawa banyak manfaat dari segi pembangunan karakter dapat diperolehi mereka.

PENUTUP

Berdasarkan dapatan kajian yang diperolehi, dapat disimpulkan bahawa kesedaran sosial amat penting untuk mempengaruhi penglibatan pelajar di dalam program khidmat masyarakat. Tiga aspek yang perlu diberi perhatian adalah kesedaran gerak balas, kesedaran nilai dan kesedaran dari aspek perwatakan. Pelajar juga perlu memperbaiki keyakinan diri mereka dalam berurusan dengan masyarakat luar. Mereka perlu mempunyai kemahiran adaptabiliti yang tinggi agar mereka lebih mudah unruk berkomunikasi secara berkesan, tidak kiralah dengan ahli kumpulan yang baru, mahupun dengan masyarakat luar yang baru dikenali.

Justeru, pihak universiti boleh membantu meningkatkan penglibatan ini melalui aktiviti pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Pensyarah bukan sahaja mengajar kandungan subjek mata pelajaran, tetapi sentiasa perlu mengambil sedikit masa untuk memperkembangkan aspek afektif dalam diri pelajar. Pelajar yang mempunyai kesedaran nilai yang tinggi akan mempunyai semangat kesukarelaan yang tinggi dan akhirnya menjadi pelajar yang lebih seimbang dan membangun secara holistik.

RUJUKAN

- Ahmad Marzuki Ismail (2007). *Penyediaan diri kearah pembentukan modal insan*. Kuala Lumpur :Karisma Publication
- Amla Mohd Salleh (2010) *Pendidikan kerjaya dan pembangunan modal insan*. Bangi, Selangor :Penerbit UKM
- Ajzen,I. (1991). *Theory of Planned Behavior*. *Organizational Behavior and human decision process*.Academic Press 176-209
- Azrilah Abdul Aziz (2010). *Rasch Model Fundamentals: Scale Construct and Measurement Structure*. Kuala Lumpur: Integrated Advance Publishing
- Bond,T.G., & Fox,C.M (2007). *Applying the Rasch Model: fundamental measurement in the Human Sciences (2nd ed.)*. Mahwah, New Jersey: Lawrence Erlbaum.
- Gable, R.K. dan Wolf, M.B. 1993. *Instrument development in the affective domain*. Ed. Ke-2. Boston: Kluwer Academic Publishers.
- Hagger, M.S., Nikos L.D., Wang C.L, Tjogers-Ntoumani. *The Effets of social identitiy and perceived autonomy support on helath behavior withy the theory of planned behavior*. *Curr Psychol*. 55-68
- Krathwohl, D.R., Bloom, B.S., and Masia, B.B. (1964). *Taxonomy of educational objectives: Handbook II: Affective domain*. New York: David McKay Co.
- Siti Rahayah Ariffin, Jamil Ahmad dan Nur' Ashiqin Najmuddin (2010). *Pembangunan Instrumen Kemahiran Generik Pelajar Berasaskan Penilaian Pensyarah dengan menggunakan Model Pengukuran Rasch Pelbagai Faset*. *Jurnal Pendidikan Malaysia*.35(2)(2010): 43-50
- Yahaya Ibrahim (2008). *Pembangunan modal insan : isu dan cabaran*. Bangi, Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia